



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**26 FEBRUARI 2015**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED BERHUBUNG SIASATAN AUDIT TERHADAP 1MDB.**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu Jabatan Audit Negara menjalankan audit segera terhadap syarikat pelaburan milik penuh kerajaan, 1MDB Sdn Bhd sebelum jawatankuasa Parlimen itu memanggil syarikat berkenaan tidak lama lagi.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata pihaknya mengenal pasti isu utama yg memerlukan audit segera daripada Audit Negara iaitu sumber dana berjumlah RM2 billion bagi menjelaskan pinjaman dari bank tempatan, suntikan dana baru daripada kerajaan berjumlah RM3 bilion, perjanjian pelaburan dalam syarikat Petrosaudi.

Beliau berkata, selain itu wujud juga percanggahan kenyataan mengenai wang hasil pelaburan di Pulau Cayman sama ada sudah dibawa balik ke Malaysia atau tidak serta ia juga termasuk perubahan firma audit antarabangsa untuk meluluskan akaun 1MDB.

"PAC mahu Audit Negara menjalankan audit terlebih dahulu ke atas 1MDB sebelum kita memanggil mereka di hadapan jawatankuasa ini tidak lama lagi," katanya dalam satu kenyataan media di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, PAC berpendapat sudah sampai masanya Audit Negara menjalankan audit terhadap isu berkenaan memandangkan terdapat pelbagai khabar angin dan persepsi negatif timbul hingga membabitkan imej kerajaan.

Katanya, perlu diingatkan bahawa 1MDB adalah milik penuh kerajaan dan segala wang yang digunakan bagi tujuan operasi dan pelaburan syarikat itu adalah milik rakyat.

"Rakyat perlu tahu perkara sebenar dan kerajaan perlu telus dalam hal 1MDB, jika benar segala pelaburan dan operasi syarikat ini sah, biarlah ia disahkan sendiri jabatan kerajaan iaitu Audit Negara," katanya.